

**STRATEGI PERANG IRAN DAN KEBERKESANAN SERANGAN
PELURU BERPANDUNYA KE ATAS PENGKALAN TENTERA
AMERIKA SYARIKAT DI NEGARA-NEGARA TELUK**

***IRANIAN WAR STRATEGY AND THE EFFECTIVENESS OF ITS
MISSILE STRIKES ON AMERICAN MILITARY INSTALLATIONS IN
THE GULF COUNTRIES***

Syed Ahmad Fathi
Ketua Editor, The Independent Insight,
08000 Kedah, Malaysia
E-mail: fathi137@gmail.com

Ditulis bermula: 10 Mac 2026

Diterbitkan pada: 23 Mei 2026

ABSTRAK

Pada 28 Februari 2026, Amerika Syarikat dan Israel melancarkan serangan ke atas Iran yang dikenali sebagai *Operation Epstein Fury*. Serangan ini antara lain berjaya membunuh pemimpin tertinggi Iran, Asy-Syahid Ali Khamenei. Berbeza dengan serangan Amerika Syarikat dan Israel pada Jun 2025, peperangan yang bermula pada penghujung Februari 2026 menyaksikan Iran bertindak balas hanya selepas beberapa jam serangan dimulakan. Serangan balas Iran tidak terhad ke atas Amerika Syarikat dan Israel tetapi merangkumi negara-negara Arab di sekitar Teluk Parsi yang menjadi tuan rumah kepada pengkalan tentera Amerika Syarikat. Kajian ini bertujuan menganalisis keberkesanan serangan peluru berpandu Iran dengan melakukan *battle damage assessment* menggunakan metodologi penelitian imej satelit dan juga menggunakan *open-source intelligence* (OSINT). Kajian ini mendapati strategi keseluruhan Iran adalah dengan menggunakan pendekatan *asymmetric warfare* iaitu dengan memperluaskan kawasan serangan menggunakan peluru berpandu dan dron yang efektif dan menyebabkan musuh tidak mampu mempertahankan keseluruhan kawasan mereka. Dengan perluasan kawasan serangan ini juga, Iran berjaya meningkatkan kos perang dan memastikan kesan ekonomi yang tinggi terhadap musuh dan memaksa mereka menghentikan serangan.

Kata kunci: Perang, Iran, Amerika Syarikat, Israel, Negara-negara Teluk, *Battle Damage Assessment*, Penelitian Imej Satelit, *Open-source Intelligence*, *Operation Epstein Fury*

ABSTRACT

On 28 February 2026, the United States and Israel launched a military attack on Iran dubbed Operation Epstein Fury. Among other outcomes, the attack succeeded in killing Iran's supreme leader, the martyr Ali Khamenei. In contrast to the United States–Israeli attacks in June 2025, the war at the end of February 2026 witnessed Iran responding within only a few hours after

the attack began. Iran's retaliation was not limited to the United States and Israel, but also targeted Arab countries around the Persian Gulf that host United States military bases. This study aims to analyse the effectiveness of Iran's missile strikes by conducting a battle damage assessment using satellite imagery analysis and open-source intelligence (OSINT). The study finds that Iran's overall strategy was based on an asymmetric warfare approach effectively using missiles and drones, by expanding the theatre of attacks in a way that prevented the enemy from defending their entire area of operations. Through this expansion of the battlefield, Iran was also able to increase the cost of war and impose significant economic impacts on its adversaries, thereby forcing them to halt their attacks.

Keywords: War, Iran, United States, Israel, Gulf Countries, battle damage assessment, satellite imagery analysis, open-source intelligence, Operation Epstein Fury

PENGENALAN

Serangan Amerika Syarikat dan Israel ke atas Iran pada 28 Februari 2026 dikenali sebagai *Operation Epstein Fury*, manakala Iran menamakan konflik bersenjata ini sebagai Perang Ramadan (*Ramadan War*).¹ Perang ini merupakan susulan 'Perang 12 Hari' yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat dan Israel pada Jun 2025 yang tidak mencapai objektif untuk melemahkan Iran dan menukar kerajaan di Iran.² Bagi menutup kekalahan ini perang baharu dimulakan.

Serangan pada 28 Februari 2026 bukanlah berlaku secara tiba-tiba, tetapi selama berbulan-bulan sebelum itu Amerika Syarikat dilihat mengumpulkan bala tenteranya di Asia Barat. Konsentrasi *military hardware* yang berterusan di Asia Barat sebelum serangan menurut sarjana seperti Robert A. Pape, memperlihatkan hampir 40-50% asset tentera udara Amerika Syarikat global digerakkan ke Asia Barat.³ Hal ini menunjukkan bahawa dalam peperangan moden, pengumpulan konsentrasi asset tentera tidak lagi dapat dilakukan dengan berselindung. Sebaliknya dapat dikesan dan dianalisis melalui teknologi maklumat moden.

Pengumpulan asset besar-besaran ini juga melibatkan operasi logistik besar-besaran. Oleh itu adalah hampir mustahil ia dilakukan tanpa adanya satu perancangan untuk menyerang yang teliti. Dalam kata lain, serangan ini bukan berlaku tiba-tiba, tetapi telah dirancang di belakang tabir. Perjanjian dan diplomasi yang dizahirkan hanyalah tipu muslihat untuk memastikan musuh tidak bersedia apabila diserang. Namun pada serangan kali ini, Iran kelihatan telah bersedia menghadapi serangan kerana Iran berjaya bertindak balas hanya dalam beberapa jam apabila perang bermula.

¹ Nama *Operation Epstein Fury* ini merupakan nama yang dipopularkan oleh wartawan Amerika Syarikat Max Blumenthal. Nama ini popular di kalangan rakyat Amerika Syarikat kerana ia mengaitkan Presiden Donald Trump dengan skandal seksual pedofilia Jeffrey Epstein. Menurut laporan akhbar *The Washington Post*, nama *Operation Epstein Fury* disebut sebanyak 90,000 kali di platform X. Nama ini lebih terkenal berbanding nama rasmi perang ini iaitu *Operation Epic Fury*. Lihat kenyataan Max Blumenthal pada 10 Mac 2026 di platform X. Pautan: <https://x.com/MaxBlumenthal/status/2031363991423885712>

² Serangan untuk menukar kerajaan di negara lain sering disebut sebagai "*regime-change war*" di mana Amerika Syarikat menyerang sesebuah negara untuk menukar kerajaannya kepada kerajaan yang lebih patuh kepadanya. Ini boleh dilihat dari serangan ke atas Muammar Gaddafi di Libya dan Saddam Husin di Iraq.

³ Kenyataan Robert A. Pape pada 21 Februari 2026 di platform X. Pautan: <https://x.com/ProfessorPape/status/2025214568050446627>



Imej flight radar tracking dari sumber OSINT yang menunjukkan mobilisasi pesawat perang besar-besaran dari Amerika Syarikat sekitar 19 Februari 2026.

Terdapat desas desus Amerika Syarikat akan menyerang lebih awal, namun serangan awal itu ditanggihkan. Sebahagian penganalisis menyatakan penangguhan serangan dilakukan kerana Amerika Syarikat masih memerlukan masa untuk menyusun asset pertahanan berat mereka apabila Iran bertindak balas dengan serangan peluru balistik. Pape yang mengkaji pergerakan tentera menyatakan melihat sejarah ketenteraan, hampir mustahil tiada serangan akan dilakukan dengan jumlah persediaan besar-besaran yang berlaku. Ini kerana mobilisasi besar-besaran ini menelan kos yang sangat tinggi. Rundingan dan retorik Trump dijangka digunakan bagi memberi kelebihan pada Amerika Syarikat untuk membuat *surprise attack*. Ternyata analisis Pape ini tepat apabila Amerika Syarikat dan Israel memulakan *Operation Epstein Fury* pada 28 Februari 2026. Antara serangan pertama yang dilakukan oleh Amerika Syarikat adalah ke atas Sekolah Shajareh Tayyebah di Minab, Hormozgan, Iran di mana seramai 168 orang terbunuh kebanyakannya merupakan pelajar sekolah berusia 7 hingga 12 tahun.⁴ Namun kesan operasi perang Israel-Amerika Syarikat tidak menunjukkan kejayaan yang dikehendaki. Menurut ahli politik veteran Britain, George Galloway, ia adalah kegagalan terbesar selepas kegagalan Hitler. Beliau menulis:

*Carnage in Israel. Operation Epstein Fury is the biggest military-political blunder since Hitler's Operation Barbarossa.*⁵

Perang di Iran ini sebenarnya tidak boleh dilihat sebagai satu konflik bersenjata yang terpisah dari pergerakan geopolitik dunia lain. Tetapi bolehlah difahami sebagai kelangsungan kepada *resistance* (penentangan) kepada kolonialisme zionis dan imperialisme Amerika yang berterusan selepas Operasi Taufan Al-Aqsa oleh pejuang Palestin. Dalam kata lain, *resistance* ini sudah berbunga dan kini memasuki fasa kematangan yang baharu.⁶ Kesenambungan ini dapat dilihat dalam siri serangan balas Iran ke atas Israel, misalnya pada 16 Mac 2026, tentera Iran melancarkan peluru berpandu dan mengumumkan ia adalah untuk memperingati kesyahidan pejuang Hamas iaitu Yahya Sinwar dan Huzafah al-Kahlout (Abu Ubaidah).⁷

⁴ Press TV, '195 students, teachers killed in US-Israeli strikes, 68 schools seriously damaged', 07 Mac 2026. Pautan: <https://www.presstv.ir/Detail/2026/03/07/765074/195-students-teachers-killed-in-US-Israeli-strikes-68-schools-seriously-damaged>

⁵ Kenyataan George Galloway pada 15 Mac 2026 di platform X. Pautan: <https://x.com/georgegalloway/status/2033042172618969212>

⁶ Perbincangan perihal kematangan perjuangan penentangan ini saya telah bahaskan di dalam buku *Resistance Sudah Berbunga* (Sungai Petani: Tochka Press, 2024).

⁷ Kenyataan Iranian Armed Forces Comm pada 16 Mac 2026, pautan: <https://x.com/ArmedForcesIR09/status/2033341418501022187>

ANALISIS TERHADAP PERMULAAN PERANG

Menurut penganalisis perang dari Brazil, Patricia Marins, perang ini berpotensi menjadi bencana besar buat Amerika Syarikat kerana semua persiapan perang Israel dan Amerika Syarikat telah dibuat tanpa mengambil beberapa langkah berjaga-jaga yang sepatutnya.⁸

Pada 2 Mac 2026, Kementerian Pertahanan Kuwait menyatakan bahawa beberapa pesawat pejuang “jatuh” di wilayahnya. Hal ini diakui oleh Amerika Syarikat yang menyatakan tiga pesawat perang F-15 miliknya musnah.⁹ Sementara itu, pada 2 Mac 2026 juga, Iran membedil pangkalan-pangkalan Amerika yang telah diserang selama lebih 60 jam sejak permulaan perang. Bukan itu sahaja, Iran juga menyasarkan kedutaan Amerika di Kuwait.

Pesawat tempur Yak-130 dan MiG-29 terus meronda ruang udara Iran, dan segala petunjuk awal menunjukkan Iran mengekalkan kadar serangan yang sama pada hari ketiga. Perang pada hari ketiga semakin berubah menjadi kegagalan bagi pihak gabungan Israel dan Amerika Syarikat. Dalam masa beberapa hari sahaja, Amerika Syarikat dan Israel mengalami krisis kehabisan stok peluru pertahanan dan tiada sebarang kemajuan besar di medan tempur, ketegangan politik mula memuncak di Washington dan Tel Aviv. Di Amerika Syarikat, ketegangan ini dilihat ketara kerana ia merupakan perang yang tidak popular di kalangan penyokong Presiden Trump.

Berdasarkan jumlah serangan Iran, kecenderungan menunjukkan peningkatan jumlah korban pada tentera musuh, sekali gus meningkatkan tekanan daripada rakyat Amerika. Iran berperang dengan motivasi tinggi, dan pembunuhan yang berlaku kepada pemimpin-pemimpinnya tidak mengubah perancangan dalaman mereka. Selain itu, isyarat GPS diganggu secara besar-besaran di Selat Hormuz, yang menjejaskan ketepatan senjata berpandu pihak gabungan seperti *Joint Direct Attack Munition (JDAM)*, peluru berpandu kruise, dan navigasi dron, sekali gus mengurangkan keberkesanan operasi Israel dan Amerika Syarikat di laluan strategik ini. Pada 2 Mac 2026 juga kelihatan pihak Amerika telah mengundurkan sebahagian besar peralatan dan kakitangan mereka dari Emiriah Arab Bersatu, menandakan satu penyusunan semula besar-besaran dilakukan atau pengunduran defensif di tengah tekanan yang semakin meningkat hasil tindak balas Iran. Analisis permulaan perang menunjukkan *Operation Epstein Fury* tidak berjaya seperti yang dirancang bagi melumpuhkan kekuatan ketenteraan Iran.

PENGGUNAAN SATELIT DALAM PERANG MODEN

Teknologi satelit merupakan komponen penting bagi operasi ketenteraan moden. Ia digunakan bagi mengenalpasti sasaran serangan, membantu menghalakan sasaran senjata, mengenalpasti lokasi senjata musuh dan melindungi operasi komunikasi. Disebabkan itu, dalam operasi menyerang Iran, pegawai Amerika Syarikat menyatakan bahawa divisyen tentera angkasa mereka (*space force*) adalah unit pertama yang digerakkan (*the first movers*) dalam kempen

⁸ Lihat analisis yang diterbitkan oleh Patricia Marins di X pada 2 Mac 2026, pautan: https://x.com/pati_marins64/status/2028404540370764186

⁹ U.S. Central Command, ‘Three U.S. F-15s Involved in Friendly Fire Incident in Kuwait; Pilots Safe’, 02 Mac 2026. Pautan kenyataan media: <https://www.centcom.mil/MEDIA/PRESS-RELEASES/Press-Release-View/Article/4418568/three-us-f-15s-involved-in-friendly-fire-incident-in-kuwait-pilots-safe/>

terhadap Iran. Ini menunjukkan kepentingan teknologi satelit digunakan dalam memahami strategi peperangan ke atas Iran.

Imej satelit dahulunya merupakan milik eksklusif kuasa besar dunia yang mampu mengawal angkasa, kini ia boleh dicapai melalui syarikat-syarikat komersial. Hal ini menjadikan lapangan ini lebih seimbang kepada kuasa-kuasa ketenteraan lain di dunia. Penggunaan imej satelit menjadikan penyembunyian keupayaan tentera sukar dilakukan.

Disebabkan hal ini, salah satu syarikat pembekal imej satelit, *Planet Labs* memutuskan untuk menangguhkan penerbitan imej satelit di Asia Barat apabila perang di Iran bermula. Syarikat yang berpangkalan di California ini menangguhkan penerbitan imej satelit komersial sehingga 14 hari bagi melindungi posisi tentera Amerika Syarikat.¹⁰ Penangguhan penerbitan ini juga bertujuan untuk menyembunyikan kemusnahan yang dialami oleh tentera Amerika Syarikat hasil serangan peluru berpandu Iran. Walau bagaimanapun, imej-imej satelit masih dikeluarkan oleh syarikat lain seperti *MizarVision*.

Kepentingan satelit ini turut digunakan oleh Iran dalam kempen perangnya. Menurut laporan *Aljazeera*, Iran mungkin menggunakan sistem satelit China bagi mengenalpasti sasaran serangan ke atas Amerika Syarikat dan Israel.¹¹ Hal ini kerana sasaran serangan Iran semakin tepat berbanding Perang 12-Hari. Ini memberi kelebihan kepada Iran kerana sistem BeiDou milik China tidak dapat diganggu seperti sistem *Global Positioning System* (GPS) milik Amerika Syarikat. Penggunaan sistem BeiDou ini menandakan berakhirnya monopoli Amerika Syarikat bagi penggunaan *real-time satellite intelligence* di medan perang.

Penguasaan Iran dalam penggunaan imej satelit bagi tujuan perisikan dan *battle-damage assessment* dapat dilihat dalam pengeluaran imej kemusnahan pengkalan Amerika Syarikat yang berterusan meski pun syarikat-syarikat komersial telah menghentikan penghasilan imej satelit bagi kawasan perang. Misalnya Iran mengeluarkan visual satelit yang memaparkan kemusnahan pengkalan Amerika Syarikat di Arab Saudi pada 2 April 2026.

BeiDou Navigation Satellite System (BDS) merupakan sistem yang dibangunkan China untuk menyaingi GPS pada 2020. Sistem ini dilancarkan oleh Presiden Xi Jinping di Beijing dan mempunyai satelit yang lebih banyak dari sistem-sistem lain. Sistem BDS juga mempunyai kebolehan untuk mengatasi operasi *jamming* yang memberi koordinat yang salah kepada peluru berpandu. Penganalisis ketenteraan, Patricia Marins menyatakan bahawa sistem satelit BDS-3 (B3A) tidak dapat diganggu (*unjamable*).¹² Kerjasama Iran-China dalam teknologi satelit bukanlah merupakan sesuatu yang baharu. Sejak awal Januari 2026, China telah membantu Iran untuk mempertahankan kedaulatan digitalnya (*digital sovereignty*). Ini kerana penggunaan perisian dan talian yang dibekalkan oleh Amerika Syarikat mudah ditembusi operasi perisikan CIA dan Mossad.¹³ China juga membekalkan radar moden seperti YLC-8B bagi membantunya mengesan *stealth aircraft* seperti F-35 milik Amerika Syarikat.

¹⁰ <https://english.almayadeen.net/news/politics/planet-labs-expands-restrictions-on-west-asia-satellite-imag>

¹¹ Nina Montagu-Smith, 'Could Iran be using China's highly accurate BeiDou navigation system?', *Aljazeera*, 11 Mac 2026. Pautan: <https://www.aljazeera.com/features/2026/3/11/could-iran-be-using-chinas-highly-accurate-beidou-navigation-system>

¹² Nina Montagu-Smith, 'Could Iran be using China's highly accurate BeiDou navigation system?'

¹³ Nadia Helmy, 'How Iran Gained the Ability to Track Stealth Aircraft: China Deal and the YLC-8B system', *Modern Diplomacy*, 10 Februari 2026, pautan: <https://moderndiplomacy.eu/2026/02/10/how-iran-gained-the-ability-to-track-stealth-aircraft-china-deal-and-the-ylc-8b-system/>



Visual satelit yang memaparkan kemusnahan pangkalan Amerika Syarikat di Arab Saudi pada 2 April 2026. Sumber Tasnim via RT.

Menurut pakar hubungan antarabangsa China, Victor Gao, sistem satelit BeiDou merupakan sistem satelit paling canggih di dunia. Sistem ini digunakan secara langsung dan tidak langsung oleh 200 buah negara di dunia. Sistem ini mempunyai stesen darat di pelbagai negara. Maka jika Iran menggunakan sistem BeiDou untuk mempertahankan kedaulatan negara mereka, hal ini tidaklah menghairankan. Gao menegaskan bahawa China tidak akan menghentikan bekalan teknologi ini kepada mana-mana negara sekali pun ditekan.¹⁴ Penggunaan sistem satelit BeiDou oleh Iran ini sangat signifikan, ia memperlihatkan bagaimana Amerika Syarikat dan Israel tidak lagi memonopoli *space intelligence* di dalam perang. Perkara ini penting untuk difahami sebagai salah satu faktor kritikal yang menyebabkan Amerika Syarikat tidak lagi mempunyai kelebihan dalam perang moden.

Keupayaan Iran menggunakan imej satelit bagi mengesan dan menyerang posisi tentera Amerika Syarikat telah menyebabkan penganalisis Amerika panik. Ini dapat dilihat dari kenyataan Ryan Fedasiuk yang merupakan felo di American Enterprise Institute.¹⁵ Fedasiuk menyatakan Amerika Syarikat kini tidak lagi memonopoli data imej satelit, mereka boleh memaksa syarikat kawalan mereka seperti *Vantor* dan *Planet Lab* untuk menghentikan penerbitan imej di ruang operasi perang. Namun tidak dapat memaksa syarikat komersil lain seperti *MizarVision* dari China untuk mengikuti arahan yang sama. Fedasiuk melihat pembekalan imej ini merupakan bantuan yang sangat penting kepada Iran untuk menyerang Amerika Syarikat. Beliau berharap China menghentikan servis ini. Walau bagaimanapun China dilihat terus membekalkan maklumat ini kepada Iran yang merupakan sekutunya. China merupakan antara negara yang berterusan membeli minyak yang dihasilkan di Iran. Selain hubungan dagang, China juga mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan Iran.

¹⁴ Temubual Victor Gao bersama Sharmine Narwani terbitan The Cradle dan Thinkers Forum pada 18 Mac 2026. Video bertajuk 'Victor Gao: "You DARE to invade Iran. Be prepared for the CONSEQUENCES." | Ep. 15', pautan: <https://www.youtube.com/watch?v=gexeyFBsrQg>

¹⁵ Kenyataan Ryan Fedasiuk di X pada 06 April 2026, pautan: <https://x.com/RyanFedasiuk/status/2041137824913670251>

Menurut laporan *ABC News*:

...the US Defense Intelligence Agency (DIA) has assessed that an AI tool used by a Chinese company MizarVision poses a threat to US forces. The technology identifies and tags military bases and other operations across vast areas.¹⁶

Ketepatan peluru berpandu Iran adalah dalam jarak 0.3 meter persegi, ini dapat dilihat apabila mereka dapat membedil dengan tepat pesawat E-3 milik Amerika Syarikat. Laporan tersebut turut menulis bahawa:

MizarVision has been using the software to identify different military capabilities, including specific types of planes, the location of navy ships, and the deployment of air defence systems across the Middle East.

Di sini kita melihat bagaimana Amerika Syarikat tidak lagi mendominasi ruang angkasa bagi tujuan perang mereka. Penggunaan imej satelit dalam perang moden telah memberi kelebihan bagi Iran untuk memerhatikan pergerakan tentera Amerika Syarikat di Asia Barat. Keupayaan ini sangat signifikan kerana data imej yang diperolehi adalah *real-time*, dalam kata lain, Iran dapat menyerang posisi Amerika Syarikat yang baru dibina dan mengesan perubahan kedudukan mereka. Keupayaan moden juga membolehkan kecerdasan buatan (AI) mengesan objek ketenteraan (*tagging*) seterusnya memberikan maklumat perihal target serangan. Jelas sekali perkembangan teknologi terutamanya dalam bidang imej satelit telah mengurangkan monopoli kekuasaan ketenteraan Amerika Syarikat.


KEJAYAAN IRAN MEMBUTAKAN AMERIKA SYARIKAT DAN ISRAEL

Memasuki hari ke sembilan perang, Amerika Syarikat dan Israel dilaporkan telah “buta” kerana sistem radar mereka di negara-negara Arab/Teluk telah musnah. Radar-radar ini merupakan sistem *early detection* yang dibangunkan untuk menangkis peluru berpandu ke atas Israel. Hari-hari seterusnya menyaksikan peluru berpandu Iran dapat menembusi Israel tanpa halangan yang banyak dari *interceptor*.

Iran dilihat seolah-olah menjadi “Vietnam Asia Barat”, iaitu sebuah kuasa pertengahan yang berjaya mengalahkan kuasa besar dunia. Kehilangan peralatan ketenteraan dan sistem radar pengesanan yang unik ini bernilai berbilion dolar, dan penggantinya dijangka mengambil masa bertahun-tahun. Kejayaan Iran ini menunjukkan Amerika Syarikat bukanlah sebuah kuasa yang tidak boleh dikalahkan. Kejayaan Iran ini juga akan menjadi motivasi kepada negara-negara lain untuk mempertingkatkan kemampuan mereka dalam mempertahankan kedaulatan mereka dari penguasaan imperialisme Amerika Syarikat.

Kejayaan Iran bukan sahaja berbentuk ketenteraan, ia juga merupakan kejayaan penting buat ideologi anti-imperialisme dan menjadi satu simbol yang sangat kuat bagi menggalakkan perlawanan menentang imperialisme dan kolonialisme Barat. Kemenangan Iran merupakan satu penanda bahawa dominasi hegemoni imperialisme Amerika Syarikat kini menuju kemunduran.

¹⁶ Henry Zwartz, “Chinese AI satellite intelligence helping Iran target US forces with 'incredible precision', analysts say”, ABC News, 06 April 2026, pautan <https://www.abc.net.au/news/2026-04-06/chinese-satellite-intelligence-helping-iran-target-us-forces/106535420>



Infratraktur satelit dan radar di sekitar negara-negara Teluk/Arab yang berjaya dimusnahkan menurut laporan yang disahkan oleh media antarabangsa. Sumber: Anadolu Agensi.

Anggaran kemusnahan dan kerugian kewangan Amerika Syarikat berdasarkan serangan-serangan berjaya yang telah disahkan adalah:

- i. Sistem radar pertahanan udara AN/FPS-132 bernilai USD 1.1 bilion di Qatar.
- ii. Radar AN/TPY-2 daripada sistem THAAD bernilai USD 500 juta di United Arab Emirates.
- iii. Tiga pesawat pejuang F-15E Strike Eagle dengan nilai keseluruhan USD 282 juta di Kuwait.
- iv. Tiga terminal komunikasi satelit AN/GSC-52B dengan nilai keseluruhan USD 30 juta di Kuwait.
- v. Dua terminal komunikasi satelit AN/GSC-52B dengan nilai keseluruhan USD 20 juta di Bahrain.
- vi. Radar AN/TPY-2 daripada sistem THAAD bernilai USD 500 juta di Jordan.
- vii. Tiga dron MQ-9 Reaper dengan nilai keseluruhan USD 90 juta di Iran. (Jumlah dron MQ-9 Reaper yang berjaya dimusnahkan meningkat kepada lebih 12 buah dengan kerugian dianggarkan sekitar USD 330 juta pada 18 Mac 2026).¹⁷

Dari kemusnahan ini jelas Iran mempunyai keupayaan serangan yang berkesan. Maklumat risikan mereka berjaya mengenal pasti target dengan tepat dan memusnahkan pelbagai asset strategik musuh.

¹⁷ *Press TV*, 'Over a dozen US Reaper drones valued at \$330 million destroyed by Iran: Report', 18 Mac 2026. Pautan: <https://www.presstv.ir/Detail/2026/03/18/765530/over-dozen-us-reaper-drones-destroyed-war-against-iran-multimillion-dollar-blow>



Dron Hermes-900 yang berjaya diturunkan oleh tentera Iran di dalam kawasan mereka. Dron ini berjaya diturunkan lengkap bersama pelancar peluru berpandu dan bom Mikholit bersamanya. Sumber: IRIB/WION.

Penggantian peralatan ini akan mengambil masa bertahun-tahun dan menjadi lebih rumit kerana 98% bekalan gallium untuk membina fasiliti ini datang dari China. Menurut laporan *Bloomberg*, radar AN/TPY-2 yang dimusnahkan di Jordan merupakan komponen penting bagi menangkis peluru berpandu dari Iran.¹⁸ Radar ini terletak di Pengkalan Udara Muwaffaq Salti, Jordan. Kemusnahan ini disahkan oleh imej satelit dan kemudian diakui oleh pegawai Amerika Syarikat sendiri.

Projek imperialisme Amerika Syarikat di Asia Barat sebenarnya melalui beberapa fasa. Menurut pengkaji seperti Muhammad Muaz bin Malik, Amerika Syarikat mula muncul sebagai kuasa besar dunia baharu pasca perang Amerika-Sepanyol pada akhir abad ke-19. Selepas Perang Dunia Kedua, kuasa ekonomi dan ketenteraan Amerika Syarikat telah mengatasi semua negara-negara lain. Campur tangan Amerika Syarikat di Asia Barat pada ketika itu bertujuan untuk menjaga akses kepada bekalan tenaga dan mengekang pengaruh kuasa Kesatuan Soviet. Muhammad Muaz juga melihat campur tangan Amerika Syarikat ini berterusan bertujuan untuk memelihara penguasaannya kepada sumber tenaga berbanding keinginan untuk mempromosikan demokrasi.¹⁹ Namun ternyata campur tangan Amerika Syarikat pada zaman moden ini semakin sukar dilaksanakan. Walaupun Amerika Syarikat mempunyai persenjataan yang canggih, peralatan ini tidak mampu mengekalkan hegemoni mereka. Kuasa-kuasa pertengahan baharu seperti Iran sudah mampu mencabar dominasi ini.

¹⁸ Tony Capaccio dan Gerry Dyle, 'Iran Hits Key US Radar, Deepening Gulf Missile Defense Woes', *Bloomberg*, 7 Mac 2026, pautan: https://www.bloomberg.com/news/articles/2026-03-06/iran-hits-key-us-radar-deepening-gulf-missile-defense-woes?taid=69ab4df9155caf0001a25031&utm_campaign=trueanthem&utm_content=business&utm_medium=social&utm_source=twitter&embedded-checkout=true

¹⁹ Muhammad Muaz bin Malik, 'Liberalisme Dan Campur Tangan Amerika Syarikat Antara Abad Ke-18 Hingga Abad Ke-20' di dalam *Inspiring The Pursuit Of Postgraduate Excellence Through Inclusive Research* oleh Phayilah Yama, Sahlawati Abu Bakar, dan Noor Raudhiah Abu Bakar (Penerbit PPS: Universiti Islam Selangor, 2025), hlm. 551-552.



Visual kemusnahan di Pengkalan Udara Muwaffaq Salti, Jordan. Sumber: OSINT



Imej satellite menunjukkan kemusnahan radar AN/TPY-2 THAAD di Pengkalan Udara Muwaffaq Salti, Jordan. Sumber: Airbus

Terminal High Altitude Area Defense (THAAD) merupakan sistem yang digunakan untuk memusnahkan peluru berpandu balistik di atmosfera, dengan kemusnahan radar AN/TPY-2, tangkisan peluru berpandu perlu dilakukan menggunakan sistem Patriot yang mempunyai keupayaan yang lebih pendek dan rendah. THAAD dianggarkan bernilai sekitar 1

billion USD manakala radarnya bernilai 300 juta USD. Kemusnahan ini juga tidak dapat digantikan dengan binaan baharu, sebaliknya Amerika Syarikat perlu mengambil sistem THAAD dari teater Pasifik.

Iran juga berjaya memusnahkan radar AN/FPS-132 di Qatar. Radar ini merupakan struktur tetap (*fixed radar structure*) yang tidak *mobile* seperti THAAD. Radar AN-FPS-132 merupakan sistem radar yang mampu mengesan peluru berpandu dari jarak jauh yang sangat ekstrem, namun tidak mempunyai keupayaan memandu *interceptor* bagi memusnahkan mereka dengan tepat. *Bloomberg* juga menyatakan bekalan *interceptor* bagi sistem THAAD dan PAC-3 berada di paras rendah dan bahaya ketika perang berlangsung. Ini memberi kelebihan kepada Iran bagi melancarkan serangan peluru berpandu dan dron dengan lebih efektif.



Imej Satelit menunjukkan kemusnahan radar dome (radome) di pengkalan Amerika Syarikat di Arafat, Kuwait. Sumber: RT

Akibat dari kemusnahan sistem radar dalam masa hanya seminggu, sistem amaran peluru berpandu di Israel telah berkurangan kepada hanya beberapa saat. Manakala sistem amaran di negara-negara Teluk hampir tidak wujud selepas seminggu perang. Amerika Syarikat dilihat cuba menggantikan sistem yang musnah ini dengan mengambil beberapa radar dari teater di Pasifik, namun jika gantian ini pula dimusnahkan, Amerika Syarikat akan buta sepenuhnya. Amerika Syarikat hanya mempunyai 8 unit sistem THAAD di seluruh dunia, Iran berjaya memusnahkan 4 unit hanya dalam masa seminggu. Iran juga dilihat menggunakan dron dengan lebih efektif dalam kempen perang kali ini, berbeza dengan *Perang 12-Hari* di mana penggunaan dron sangat terhad.²⁰

Akibat serangan ini, negara-negara Arab/Teluk mula menyedari bahawa pengkalan Amerika Syarikat di negara mereka bukanlah satu lapisan keselamatan, sebaliknya liabiliti yang membawa kepada kemusnahan. Serangan Iran juga membuktikan bahawa Amerika Syarikat tidak dapat mempertahankan pengkalan tentera mereka yang sangat banyak di negara-negara Teluk/Arab, ia dapat dimusnahkan dalam masa seminggu sahaja.

²⁰ Untuk memahami peristiwa Perang 12-Hari, lihat Syed Ahmad Fathi, 'Analisis Berakhirnya Perang 12 Hari Israel-Amerika Syarikat dan Iran', *Analisis Perang*, 26 Jun 2025, pautan: <https://syedahmadfathi.substack.com/p/analisis-berakhirnya-perang-12-hari>



Kemusnahan Pengkalan Udara Ali Al-Salem, Kuwait. Sumber: Airbus

Perang 12-Hari pada Jun 2025 telah memberikan pengajaran penting bagi Iran dalam menghadapi perang elektronik. Iran mendapati bahawa sistem GPS merupakan sistem yang mudah dikawal oleh Amerika Syarikat, oleh itu mereka telah berpindah kepada sistem BeiDou-3 (BDS-3) milik China. Sistem ini dapat mengelakkan operasi *jamming* dan *spoofing* oleh Israel yang akan memberikan koordinat yang salah kepada peluru berpandu Iran. Sistem BDS-3 juga memberikan Iran kelebihan untuk membedil dengan tepat (*surgical strike*) dalam lingkungan 5 meter. Sistem *satellite* China juga mempunyai kapasiti mengesan *interceptor* dan memberi signal kepada peluru berpandu dan dron bagi mengelak pintasan.

Kemampuan Iran untuk membutakan Israel dan Amerika Syarikat ini secara langsung menafikan dakwaan AS/Israel bahawa mereka berjaya menguasai teater udara (*air superiority*). Namun perang ini tidak bermakna Iran tidak menanggung apa-apa kemusnahan. Antara kemusnahan teruk yang dialami Iran ialah kemusnahan asset maritimnya. Pengkalan maritimnya di Konarak dan Bandar Abbas berjaya dimusnahkan. Amerika Syarikat juga berjaya menenggelamkan kapal IRIS *Dena* di perairan antarabangsa berdekatan Galle, Sri Lanka menggunakan torpedo 'Mark-48' dan membunuh lebih 80 orang kru kapal Iran pada 04 Mac 2026. Kapal lain yang berjaya dimusnahkan termasuklah IRIS *Shahid Sayyad Shirazi* (katamaran). Namun, strategi perang asimetri Iran membuktikan di sebalik semua kemusnahan ini, mereka masih mampu bertindak balas dengan efektif dan menghancurkan asset-asset tentera Amerika Syarikat dan Israel di negara-negara Teluk. Strategi asimetri ini tidak bergantung kepada asset-asset konvensional yang besar, sebaliknya menggunakan asset-asset yang lebih kecil, *mobile* dan *agile* yang dapat menyaingi asset konvensional.



*Imej kapal perang IRIS Shahid Sayyad Shirazi (Shahid Soleimani-class corvette) yang dibedil di Bandar Abbas, Iran.
Sumber: Nicole Grajewski*

Minggu kedua peperangan menyaksikan operasi tidak lagi terhadap kepada sasaran ketenteraan. Ini kerana Amerika Syarikat telah mula menyasarkan fasiliti awam seperti loji desalinasi air Iran di Pulau Qeshm dan Israel menyerang fasiliti minyak Iran.²¹ Serangan ini telah menyebabkan Iran bertindak balas dengan mengebom loji pemrosesan minyak di Haifa. *Operasi Epstein Fury* oleh Amerika Syarikat ke atas Iran dilihat bukan sahaja membawa kerugian ekonomi yang besar kepada Amerika sendiri, ia juga dilihat berpotensi mengubah keseimbangan kuasa di Asia Barat di mana hegemoni Amerika Syarikat/Israel berpotensi untuk ditamatkan.

SERANGAN PASCA KEMUSNAHAN RADAR MUSUH

Selepas kemusnahan sistem radar pengesanan Amerika Syarikat di seluruh negara Teluk, Iran dilihat lebih yakin untuk menyasarkan serangan mereka mengikut tempo serangan musuh. Ini boleh dilihat dari kenyataan yang dikeluarkan oleh Speaker Parlimen Iran, Mohammad Bagher Ghalibaf di mana beliau menyatakan:

Let the enemy know that whatever they do, we will undoubtedly respond with a proportionate and immediate retaliation; no malice will go unanswered, and today

²¹ Lihat laporan *Iran International*, 'US hit desalination plant on Qeshm Island, Iran FM says' pada 07 Mac 2026, pautan: <https://www.iranintl.com/en/202603072697> Laporan serangan Israel ke atas fasiliti minyak Iran dilaporkan oleh Mohammad Sio, 'Israel hits oil storage tanks in Tehran: Israeli media', *Anadolu Ajansi*, 7 Mac 2026, pautan: <https://www.aa.com.tr/en/middle-east/israel-hits-oil-storage-tanks-in-tehran-israeli-media/3854490#>

*we decree the rule of "an eye for an eye"; bluntly, without exception. If they initiate war on infrastructure, we will undoubtedly target their infrastructure.*²²

Sehingga 11 Mac 2026, Iran telah melancarkan 34 siri serangan dalam operasi pelancaran peluru berpandu yang dinamakan *Operation True Promise-4*. Serangan ini termasuklah penggunaan peluru berpandu hipersonik ke atas negara haram Israel.²³ Menurut Ghalibaf lagi, serangan peringkat awal Iran adalah untuk membutakan sistem radar dan pertahanan musuh. Apabila musuh telah buta, serangan boleh dilakukan dengan lebih efektif menggunakan peluru berpandu yang sedikit.²⁴ Pada 22 Mac 2026, Mejar Jeneral Seyed Majid Moosavi mengumumkan bahawa Iran sudah mencapai *missile dominance* ke atas ruang udara kawasan yang dijajah zionis.²⁵

Keberkesanan serangan Iran pasca pembutaan radar Amerika/Israel bukan hanya retorik dari Ghalibaf atau Moosavi, hal ini dapat dilihat daripada serangan kualitatif dari Iran ke atas Israel. Selepas Israel menyerang fasiliti nuklear Iran di Natanz pada 21 Mac 2026, Iran terus menyerang balas hanya selepas beberapa jam ke atas Dimona. Dimona merupakan kawasan yang berdekatan dengan *Negev Nuclear Research Center* yang merupakan pengkalan program senjata nuklear Israel.²⁶ Serangan ini sangat signifikan kerana ia menunjukkan bahawa Iran mampu menyerang kawasan sensitif Israel tanpa sebarang halangan. Israel juga tidak dapat menafikan serangan ini kerana beberapa video yang tersebar menunjukkan peluru berpandu Iran berjaya menembusi sasaran (*direct hit*) tanpa adanya sistem *alarm* yang dapat mengesan dan memberi amaran kepada penduduk.²⁷ Selain Dimona, Iran juga menyasarkan Arad di mana Israel melaporkan 200 orang tercedera.²⁸

STRATEGI KESELURUHAN IRAN

Berbeza dengan *Perang 12-Hari* di mana Iran bersetuju dengan genjatan senjata awal. Perang Ramadan menyaksikan Iran menolak genjatan senjata awal. Ini kerana Iran faham strategi penjajahan Israel. Israel akan memulakan peperangan, kemudian meluaskan jajahan dan

²² Kenyataan Mohammad Bagher Ghalibaf pada 10 Mac 2026 di platform X. Pautan: https://x.com/mb_ghalibaf/status/2031379855451869353

²³ Laporan *Al Jazeera English* pada 10 Mac 2026 di platform X. Pautan: <https://x.com/AJEnglish/status/2031385432718475508>

²⁴ Mohammad Bagher Ghalibaf menulis "*US claims that has destroyed Iran's missile capabilities. The initial waves of large-scale missile launches were intended to blind enemy radars and defense systems. Now, Iran can target any location it chooses with fewer missiles. Today, the "Iron Dome" appears to be an irony.*" Lihat kenyataan di X pada 11 Mac 2026. Pautan: https://x.com/mb_ghalibaf/status/2031756618128396457

²⁵ Seyed Majid Moosavi menulis "*From this moment, I declare the missile dominance of Iran's sons over the skies of the occupied territories. The new tactics and launch systems employed in the upcoming waves will leave the American-Zionist commanders dumbfounded. Tonight, the skies over the south of the occupied territories will remain illuminated for hours.*" Pautan: https://x.com/smajid_moosavi/status/2035412828631302326

²⁶ Ramzy Baroud dan Romana Rubeo, 'Iran "gone wild" in Dimona: Is Tehran using Israel-US "Madman Doctrine"?' *Middle East Monitor*, 22 Mac 2026. Pautan: <https://www.middleeastmonitor.com/20260322-iran-gone-wild-in-dimona-is-tehran-using-israel-us-madman-doctrine/>

²⁷ Lihat video yang diterbitkan oleh wartawan Israel, Emanuel Fabian: <https://x.com/manniefabian/status/2035408207082881243>

²⁸ Emanuel Fabian, Diana Bletter, Sam Sokol, 'Almost 200 injured, 11 seriously, in Iranian missile strikes on southern cities of Arad, Dimona', *The Times of Israel*, 23 Mac 2026. Pautan: https://www.timesofisrael.com/over-100-injured-11-seriously-in-iranian-missile-strikes-on-southern-cities-of-arad-dimona/?utm_source=article_hpsidebar&utm_medium=desktop_site&utm_campaign=liveblog-march-22-2026

memaksa negara yang diserang menerima genjatan senjata. Dalam masa genjatan senjata, mereka akan mengumpulkan semula kekuatan untuk memulakan perang baru dan meluaskan lagi jajahan. Strategi ini diulang-ulang hinggalah mereka berjaya menjadi hegemon, dan negara di sekeliling mereka berpecah menjadi *failed state* atau *vassal state*, sementara Israel mampu mendominasi kawasan serantau. Iran faham strategi ini, dan akan berperang hingga kitaran ini berjaya dipatahkan. Hal ini dapat difahami dari kenyataan Ghalibaf di mana beliau menulis:

*Absolutely, we are not seeking a ceasefire; we believe we must strike the aggressor in the mouth so that it learns a lesson and never again even thinks of aggressing against our dear Iran. The Zionist regime sees its ignoble existence in perpetuating the cycle of "war-negotiation-ceasefire and then war again" in order to consolidate its domination. We will break this cycle.*²⁹

Menurut Sina Toossi, felo kanan bagi *Center for International Policy*, strategi serangan Iran dilihat berfokus kepada empat tumpuan. Pertama adalah membutakan musuh dengan memusnahkan radar. Kedua mematahkan jaringan logistik musuh dengan memusnahkan pesawat pengisi minyak, pelabuhan dan markas pelancaran. Ketiga melumpuhkan rangkaian komunikasi dengan memusnahkan infrastruktur telekomunikasi dan radome. Akhir sekali adalah menggunakan tekanan ekonomi dengan membuat sekatan terhadap perkapalan dan bekalan minyak.³⁰

Strategi perang Iran juga disebut oleh ahli sains politik, Robert Malley sebagai “*guerrilla warfare on a global scale*”.³¹ Melalui strategi ini, Iran bersedia menerima serangan-serangan besar-besaran Israel-Amerika dalam masa yang sama melancarkan serangan balas pada titik-titik kelemahan musuh mereka di seluruh dunia terutamanya di kawasan serantau.

AMERIKA SYARIKAT TIDAK MENGUASAI PERANG

Kegagalan Amerika Syarikat menguasai perang dapat dilihat dengan jelas hanya setelah beberapa hari Iran memulakan serangan balas. Hal ini diakui oleh Chris Murphy, seorang senator dari Connecticut, Amerika Syarikat. Dalam kenyataannya, beliau menulis bahawa Amerika Syarikat sudah tidak lagi mampu mengawal perang pada 14 Mac 2026.³² Mereka tidak menjangka kebolehan Iran bertindak balas yang menyaksikan rantau Asia Barat seluruhnya bergolak.

Krisis utama yang dihadapi Amerika Syarikat adalah sekatan Iran ke atas Selat Hormuz yang menyaksikan harga minyak global naik mendadak menyebabkan berlakunya kemerosotan ekonomi dunia serta peningkatan harga makanan. Cubaan Amerika Syarikat untuk membuka semula selat ini tidak berjaya kerana Iran mempunyai ribuan dron, bot pengebom, dan juga periuk api yang bertebaran dan tidak mampu dimusnahkan. Amerika Syarikat juga dilihat

²⁹ Kenyataan Mohammad Bagher Ghalibaf pada 10 Mac 2026 di platform X. Pautan: https://x.com/mb_ghalibaf/status/2031277205540544892

³⁰ Kenyataan Sina Toossi pada 14 Mac 2026 di platform X. Pautan: <https://x.com/SinaToossi/status/2032813323301896268>

³¹ Lihat kenyataan Robert Malley pada 14 Mac 2026 di platform X. Malley merupakan ketua negosiasi perjanjian nuklear dengan Iran pada 2015 yang dikenali sebagai *Joint Comprehensive Plan of Action*. Pautan: https://x.com/Rob_Malley/status/2032749833531044022

³² Kenyataan Chris Murphy pada 14 Mac 2026 di platform X. Pautan: <https://x.com/ChrisMurphyCT/status/2032803960239595562>

masih berperang menggunakan cara konvensional lama, sedangkan Iran kini sudah berperang menggunakan strategi perang baharu iaitu apa yang disebut Murphy sebagai “*drone war*”. Kebergantungan Amerika Syarikat pada *interceptor missiles* yang mahal menyebabkan strategi perang ini mudah dikalahkan. Perang ini juga dilihat merebak dengan cepat, jika Amerika Syarikat menghantar tentera darat, kematian tentera mereka akan meningkat dengan berkali ganda lebih tinggi, maka tidak ada cara lain selain dari menarik diri dari terus mengalami kekalahan menurut Murphy.

Analisis Murphy ini dapat dibuktikan dari kenyataan Presiden Trump pada 14 Mac 2026 yang merayu agar negara-negara lain seperti China, Perancis, Jepun, Korea Selatan, dan Britain menghantar kapal perang mereka bagi membantu Amerika Syarikat membuka semula Selat Hormuz.³³ Kegagalan Amerika Syarikat juga dapat dilihat dari kemusnahan asset-assetnya. Selain pengkalan tenteranya yang musnah dan juga pesawat perang F-15 yang musnah di Kuwait, Amerika Syarikat juga kehilangan pesawat pengisi minyak KC-135 Stratotanker yang ditembak jatuh di Iraq. U.S. Central Command pada 13 Mac 2026 mengakui bahawa semua enam krew pesawat ini terkorban dalam nahas tersebut.³⁴ Selain itu, lima buah KC-135 lagi yang terletak di Pengkalan Udara Prince Sultan di Saudi Arabia dilaporkan rosak dibedil peluru berpandu Iran.³⁵

Walaupun Amerika Syarikat tidak lagi mampu mengawal teater perang, menurut sarjana Robert A. Pape, Presiden Trump tidak dapat menghentikan perang ini. Pape menulis bahawa “*War termination is multilateral, not presidential*”. Sekali pun Trump mengarahkan serangan dihentikan, ini tidak akan menjamin Iran akan menghentikan serangan dan penguasaannya di Selat Hormuz.³⁶ Kelemahan Amerika Syarikat semakin terserlah apabila negara-negara yang merupakan sekutu tradisinya menolak permintaan Amerika Syarikat untuk menghantar kapal perang untuk membuka Selat Hormuz.³⁷ Menulis perihal kegagalan Amerika Syarikat menguasai perang, wartawan Amerika Syarikat, Max Blumenthal menulis:

Worse for Trump, he has found no means of opening the Strait of Hormuz, deepening his own personal Suez crisis. His strategic folly has forced 32 nations comprising the International Energy Agency to release their strategic oil reserves to stave off further ruin to the global economy.

Trump has pivoted from attacking the British government to pleading for Starmer to send ships to open the Strait. He's also begging China for naval help. But China is extracting crucial benefits from the war: the US repositioned THAAD systems from South Korea to the Middle East, and Iran has announced that ships can transit

³³ Hantaran White House pada 14 Mac 2026 yang menyiarkan kenyataan Donald Trump dari Truth Social di platform X. Pautan: <https://x.com/WhiteHouse/status/2032821840633077851>

³⁴ Kenyataan U.S. Central Command pada 13 Mac 2026 di platform X. Pautan: <https://x.com/CENTCOM/status/2032460946770202725>

³⁵ Joanna Bailey, ‘Five US Air Force KC-135 tankers hit and damaged in Iran strike on Saudi air base’, *Aerospace Global News*, 14 Mac 2026. Pautan: <https://aerospaceglobalnews.com/news/us-air-force-kc-135-tanker-damaged-saudi/>


³⁶ Kenyataan Robert A. Pape pada 14 Mac 2026 di platform X. Pautan: <https://x.com/ProfessorPape/status/2032803663136116900>

³⁷ Antara negara yang menolak secara terbuka permintaan Amerika Syarikat adalah Australia. Rujuk laporan Al Jazeera pada 16 Mac 2026. Pautan: <https://x.com/AJENews/status/2033392890194370723> Jepun juga menolak secara terbuka untuk menghantar kapal perang, rujuk laporan AFP News Agency, 16 Mac 2026. Pautan: <https://x.com/AFP/status/2033364942250725858>

*the Strait provided they trade their oil in Chinese yuan. Russia is also making gains from the war Trump launched, such as the lifting of US oil sanctions, allowing it to draw revenue which it can invest back into the Ukraine war.*³⁸

Kegagalan Amerika Syarikat bukan sahaja boleh dilihat melalui kegagalannya membuka Selat Hormuz. Amerika Syarikat juga tidak dapat melindungi penduduk mereka di Asia Barat dan terpaksa mengeluarkan mereka dari Baghdad, Iraq dan juga Israel.³⁹

Mitos bahawa Amerika Syarikat mempunyai *air superiority* semakin hilang apabila perang berlanjutan. Ini kerana semakin banyak jet Amerika/Israel berjaya ditembak jatuh. Pada 21 Mac 2026, sebuah jet F-16 berjaya ditembak jatuh.⁴⁰ Pada 22 Mac 2026, Iran mengumumkan mereka berjaya menembak jatuh pesawat F-15 di Pulau Hormuz.⁴¹ Pengumuman ini turut disertakan dengan visual tembakan.⁴² Namun perkembangan yang paling signifikan adalah keupayaan Iran untuk menembak jet F-35 yang merupakan jet paling canggih milik Amerika Syarikat.



Visual pesawat F-35 Amerika Syarikat berjaya ditembak Iran. Sumber: Zhao DaShuai

³⁸ Lihat kenyataan Max Blumenthal pada 16 Mac 2026 di platform X. Pautan:

<https://x.com/MaxBlumenthal/status/2033216806823821653>

³⁹ Aktivis Alon Mizrahi menulis “*The US is also evacuating American citizens from Israel. Some people don't get it yet, but the story of a US-dominated West Asia is over, and Iran accomplished that in one week of direct war*”.

Kenyataan Alon Mizrahi pada 15 Mac 2026 di platform X. Pautan: https://x.com/alon_mizrahi/status/2032881624774488240 Gesaan rakyat meninggalkan Baghdad melalui laporan Aljazeera “*BREAKING: US embassy in Baghdad says US citizens 'should leave Iraq now'*”, lihat Aljazeera, 15 Mac 2026, pautan: <https://x.com/AJENews/status/2032870695185563703>

⁴⁰ <https://www.tasnimnews.ir/en/news/2026/03/21/3546288/iran-hits-israeli-f-16-fighter-jet>

⁴¹ Tasnim News Agency, ‘Iranian Air Defenses Hit Intruding F-15 Fighter Jet’, 22 Mac 2026, pautan: <https://www.tasnimnews.ir/en/news/2026/03/22/3546776/iranian-air-defenses-hit-intruding-f-15-fighter-jet>

⁴² Visual di pautan: https://x.com/s_m_marandi/status/2035666390925906226

Perkembangan ini telah menggegarkan dunia kerana buat pertama kalinya, F-35 tidak lagi kebal, ia mampu dikesan dan ditembak. Menurut jurucakap tentera Amerika Syarikat, Tim Hawkins, jet F-35 yang ditembak itu terpaksa memuat pendaratan cemas.⁴³

Keberkesanan peluru berpandu Iran ke atas pangkalan Amerika Syarikat boleh dilihat dengan jelas dari imej kemusnahan yang diterbitkan. Misalnya *Drop Site News* melaporkan pada 29 Mac 2026 bahawa serangan Iran ke atas Pangkalan Udara Prince Sultan, Arab Saudi telah memusnahkan sebuah pesawat Amerika Syarikat yang kos pengantiannya melebihi USD 1 bilion dan berkemungkinan turut memusnahkan tiga pesawat Stratotanker yang masing-masing bernilai USD 80 juta.

Imej kemusnahan ini menunjukkan sebuah *Boeing E-3 Sentry* musnah di pangkalan tersebut di Arab Saudi, dengan badan pesawat terkoyak dan hangus terbakar, kerosakan yang berkemungkinan menunjukkan kehancuran menyeluruh (*total loss*).



Visual kemusnahan pesawat Boeing E-3 Sentry di Pangkalan Udara Prince Sultan, Arab Saudi pada 29 Mac 2026. Sumber Drop Site News.

E-3 ialah pesawat AWACS (*Airborne Warning and Control System*), sebuah pesawat yang berfungsi sebagai radar dan pusat arahan udara bagi menjejak ancaman serta mengarahkan operasi udara Amerika Syarikat. Amerika Syarikat hanya mempunyai baki kira-kira 16 buah pesawat ini, menjadikan setiap kehilangan amat kritikal. Armada E-3 selepas serangan berada dalam keadaan tertekan, dengan hanya sekitar separuh pesawat yang tersedia

⁴³ Haley Britzky dan Oren Liebermann, 'US F-35 damaged by suspected Iranian fire makes emergency landing, sources say', CNN, 20 Mac 2026. Pautan: <https://edition.cnn.com/2026/03/19/politics/f-35-damage-iran-war>

untuk misi pada satu-satu masa, menurut *Air & Space Forces Magazine*. Menggantikan keupayaan ini akan menelan kos melebihi USD 1 bilion bagi setiap pesawat.



Visual kemusnahan pesawat Boeing E-3 Sentry di Pangkalan Udara Prince Sultan, Arab Saudi pada 29 Mac 2026. Sumber Drop Site News.

Serangan juga menyasarkan aset pengisian bahan api. Dilaporkan sebanyak enam buah pesawat *KC-135 Stratotanker* dilaporkan berada di pangkalan tersebut, dengan dakwaan bahawa tiga telah musnah dan selebihnya rosak. Tanpa pesawat AWACS, Amerika Syarikat berdepan risiko keupayaan penjejakan (*tracking*) yang merosot, kitaran sasaran (*targeting cycles*) yang lebih perlahan, serta koordinasi yang lebih lemah di medan pertempuran.⁴⁴

Dengan kemusnahan besar-besaran aset tentera milik Amerika Syarikat, presiden Donald Trump kemudian dilihat cuba mencari jalan keluar yang tidak memalukan. Namun dalam usaha menganalisis strategi perang Amerika Syarikat, kenyataan presidennya Donald Trump hendaklah dilihat sebagai helah untuk memperdayakan musuh, bukan sebagai arah tuju operasi yang muktamad. Perkara ini dilihat dengan jelas dan difahami oleh media Israel sendiri. Misalnya laporan *The Times of Israel* pada 01 April 2026 menyatakan bahawa:

*US president says war 'coming to an end' even as he keeps amassing troops for potential invasion...*⁴⁵

Hal ini konsisten dengan strategi Amerika Syarikat sebelum ini di mana mereka berpura-pura mengadakan rundingan kemudian menyerang Iran semasa rundingan dijalankan. Kenyataan Presiden Trump Adalah sebahagian dari helah tenteranya untuk memastikan pihak musuh tidak bersedia apabila diserang. Iran memahami perkara ini dan mengeluarkan kenyataan bahawa mereka tidak menyertai mana-mana rundingan dengan Amerika Syarikat.

⁴⁴ Laporan *Dropsite News* di platform X pada 29 Mac 2026. Pautan: <https://x.com/DropSiteNews/status/2038083000395534658>

⁴⁵ Jacob Magid dan Lazar Berman, "Trump doubts Iran can reach buried uranium; Netanyahu: Nuke production abilities 'smashed'", *The Times of Israel*, 01 April 2026, pautan: <https://www.timesofisrael.com/trump-doubts-iran-can-reach-buried-uranium-netanyahu-nuke-production-abilities-smashed/>

Menurut laporan *The Intercept*, Amerika Syarikat menyembunyikan korban tenteranya di medan perang.⁴⁶ Siasatan mereka pada awal April 2026 mendapati seramai 750 askar Amerika Syarikat terbunuh sejak Oktober 2023 namun hal ini tidak diakui oleh Amerika. Angka yang dikeluarkan oleh pusat kawalan perang Amerika Syarikat, *Centcom* adalah angka lama dan tidak memaparkan situasi semasa. Serangan balas Iran juga telah menyebabkan Amerika Syarikat terpaksa mengosongkan pengkalan-pengkalan mereka di negara-negara Teluk dan memindahkan askar mereka ke hotel dan pejabat.

KEMUSNAHAN MITOS *AIR SUPERIORITY* DAN *AIR DOMINANCE*

Amerika Syarikat sering mengulang-ulang dalam kenyataan dan propaganda rasmi mereka bahawa mereka menguasai ruang udara Iran (terma yang selalu digunakan adalah *air superiority* dan *air dominance*). Namun kenyataan ini hanyalah propaganda kerana ia tidak diterjemahkan di medan perang. Pesawat-pesawat Amerika Syarikat terus ditembak jatuh sepanjang perang berlangsung. Antara kejayaan Iran yang signifikan adalah apabila mereka berjaya menembak jatuh pesawat perang F-15E pada 3 April 2026. Situasi ini telah menyebabkan Amerika Syarikat panik dan memulakan operasi menyelamat bagi mendapatkan semua dua orang pemandu pesawat mereka.



Visual penyasaran A-10 Warthog oleh Iran pada 4 April 2026. Sumber: Islamic Republic of Iran Broadcasting (IRIB)

Selain dari pesawat ini, *Dropsite News* melaporkan pada 4 April 2026, Iran juga berjaya menembak dua helikopter HH-60W Jolly Green II. Sebuah pesawat A-10 Warthog juga berjaya ditembak dan terhempas di Teluk Parsi. Beberapa pesawat lain yang ditembak dan terpaksa melakukan pendaratan cemas termasuklah sebuah A-10, sebuah pesawat tempur F-16, dan

⁴⁶ Nick Turse, ““Casualty Cover-Up”: The Pentagon Is Hiding U.S. Losses Under Trump in the Middle East”, *The Intercept*, 01 April 2026. Pautan: <https://theintercept.com/2026/04/01/iran-war-us-casualty-numbers-trump-hegseth/>

sebuah pesawat pengisi minyak *KC-135 Stratotanker*.⁴⁷ Semua ini menunjukkan bahwa dakwaan Amerika Syarikat bahwa mereka mempunyai *air superiority* dan *air dominance* di Iran adalah sebuah mitos palsu.



Visual awal pada 03 April 2026 memaparkan serpihan pesawat F-15 yang berjaya ditembak jatuh oleh Iran. Serpihan ini menunjukkan logo 'Lakenheath' dengan slogan "U.S. Air Forces in Europe" pada logo bersamanya. Sumber: Patarames

⁴⁷ Laporan Dropsite News di X pada 04 April 2026, pautan: <https://x.com/DropSiteNews/status/2040160825890213943>

Amerika Syarikat kemudiannya berjaya menyelamatkan dua orang pemandu pesawat F-15E yang ditembak jatuh pada 3 April 2026. Namun operasi ini menyebabkan Amerika Syarikat kehilangan lebih banyak pesawat. Dalam operasi tersebut dua pesawat C-130 Hercules dan sebuah helikopter MH-6 Little Bird berjaya ditembak jatuh dan dimusnahkan oleh Iran.



Imej kemusnahan pesawat C-130 dan helikopter MH-6 di Iran pada 5 April 2026. Sumber: Dropsite News

Semua kemusnahan ini menunjukkan bahawa Amerika Syarikat tidak menguasai ruang udara Iran. Bukan itu sahaja, Iran juga mengekalkan keupayaannya membedil Israel dengan peluru berpandu balistik. Pada 02 April 2026, Iran berjaya memusnahkan kilang dron Israel milik Aero Sol Aviation di Petah Tikva. Kilang ini membekalkan dron untuk tentera Israel. Menurut pemilik kilang tersebut, kemusnahan yang berlaku adalah *total loss* di mana kilang tersebut tidak dapat meneruskan operasi.⁴⁸ Iran juga berjaya memusnahkan kilang kimia di Ne'ot Hovav di Negev.⁴⁹

GENJATAN SENJATA DAN PENGUMUMAN KEKALAHAN AMERIKA SYARIKAT

Pada 06 Mei 2026, akhirnya Amerika Syarikat melalui setiausahanya, Marco Rubio mengumumkan bahawa *Operasi Epstein Fury* telah tamat walaupun Amerika Syarikat tidak mencapai objektif asal mereka.⁵⁰ Dalam kata lain, Amerika Syarikat tewas dalam perang kali

⁴⁸ Tal Shahaf, "Total loss': Drone factory in Petah Tikva hit by Iranian missile", Ynet News, 5 April 2026. Pautan: <https://www.ynetnews.com/business/article/byrlhj2bl>

⁴⁹ Laporan Dropsite News di X pada 5 April 2026, pautan: <https://x.com/DropSiteNews/status/2040757143985344568>

⁵⁰ Jacob Magid, "Rubio says Iran offensive 'has concluded,' insists US accomplished its operational aims" Times of Israel, 6 Mei 2026. Pautan: https://www.timesofisrael.com/liveblog_entry/rubio-says-iran-war-has-concluded-insists-us-accomplished-its-operational-aims/

ini dan Iran kekal berdiri sebagai sebuah negara yang berdaulat. Iran juga masih mengekalkan kebolehnya untuk memperkaya uranium dan masih menyimpan stok uranium yang sudah diperkaya.

Sementara itu, usaha Amerika Syarikat untuk membuka semula Selat Hormuz yang dikawal oleh Iran juga menemui kegagalan. Hal ini menyebabkan presiden Amerika Syarikat, Donald Trump terpaksa membuat pengumuman yang memalukan bahawa *Operasi Project Freedom* bagi membolehkan kapal-kapal dagang melintasi Selat Hormuz terpaksa dihentikan.⁵¹ Ini bermakna, kapal-kapal yang ingin melalui selat ini perlu mengkoordinasi pergerakan mereka dengan Iran yang mempunyai kawalan ke atas mereka.

Bekas komander tentera Iran, Mohsen Rezaee menyatakan bahawa jika Amerika Syarikat meneruskan peperangan, Nasib mereka tidak akan serupa dengan perang di Normandy atau Sicily, sebaliknya mereka akan mengulangi situasi di Tabas di mana pada tahun 1980, Amerika Syarikat cuba menyelamatkan tawanan mereka di Tehran dalam operasi yang digelar *Eagle Claw*. Operasi ini menemui kegagalan yang memalukan apabila tentera Amerika Syarikat mengalami kerosakan mekanikal dan pesawat mereka bertembung di udara menyebabkan kematian lapan tentera Amerika Syarikat.

KEJAYAAN STRATERI PERANG ASIMETRI IRAN

Dari analisis ini kita dapat melihat bagaimana Iran sebagai sebuah kuasa pertengahan dalam arena geopolitik dunia berjaya mengalahkan sebuah *global superpower*. Iran tidak bergantung kepada kekuatan tentera dan strategi konvensional, sebaliknya menggunakan strategi perang asimetri. Strategi ini bukanlah strategi yang baharu, tetapi pernah dibentangkan oleh komander Iran, Hossein Salami di universiti ketenteraan Iran pada tahun 1990-an. Hossein Salami menyatakan:

Kita tidak menyatakan bahawa kita boleh menang seratus peratus, tetapi kita menyatakan bahawa perang perlu diperluaskan lapangannya supaya kita boleh melaksanakan strategi perang asimetri. Jika musuh hanya menggunakan serangan udara, keupayaan tentera yang berlawan dengan Amerika Syarikat di rantau ini sangat terhad dalam menangkis serangan ini. Tetapi jika perang diperluaskan dari udara ke darat dan laut, peluang untuk memenangi perang akan wujud. Ini memerlukan strategi di mana kita mengalihkan peperangan dengan Amerika Syarikat ke lapangan yang kita kuasai dan di lapangan di mana Amerika Syarikat mempunyai kelemahan. Peluang untuk menang dalam situasi ini sama seperti di Vietnam. Kelebihan perang asimetri adalah sifat efisien dan efektif di mana sistem persenjataan moden mereka berjaya dilumpuhkan dan tidak berkesan. Sebagai contoh, jika Amerika Syarikat menggunakan kapal perang besar di Teluk Parsi yang dibina untuk menyerang kapal besar yang sama milik Soviet. Kapal ini akan kehilangan kelebihan efisien dan efektifnya apabila berdepan dengan boat-bot laju yang kecil. Di sini kita melihat strategi asimetri dapat melumpuhkan strategi simetri. Kelebihan strategi asimetri lain adalah dari sudut ekonomi, dengan

⁵¹ Times of Israel. "Claiming 'great progress' in Iran talks, Trump says US pausing naval escorts in Hormuz", 6 Mei 2026. Pautan: https://www.timesofisrael.com/liveblog-may-06-2026/?utm_source=article_hpsidebar&utm_medium=desktop_site&utm_campaign=liveblog_entry

memanjangkan perang dan menghakis kelebihan musuh. Kuasa besar seperti Amerika Syarikat akan cuba memendekkan tempoh operasi kerana perang jarak jauh memakan kos yang sangat tinggi. Juga jumlah kecederaan dan kematian akan meningkat tinggi dan kos kemanusiaan ini tidak dapat mereka tanggung. Hal ini akan mewujudkan krisis domestik di Amerika Syarikat di mana tekanan dalaman akan mengubah presiden sedia ada.⁵²

Strategi perang asimetri Iran turut merangkumi doktrin perang yang dipanggil *Mosaic Doctrine* di mana struktur pemerintahan tentera tidak dipusatkan. Sebaliknya sistem pemerintahan dipecahkan kepada 31 sistem pemerintahan ketenteraan yang lebih kecil dan tidak bergantung antara satu sama lain. Oleh itu, sebarang usaha untuk mencantas lapisan komander tidak dapat dilakukan dengan mudah. Selain itu, pasukan tentera juga dipecahkan dan tidak hanya tertumpu kepada satu pasukan tentera nasional. Sebaliknya mempunyai pelbagai cabang seperti IRGC, Basij, dan Artesh.⁵³ Susunan kompleks ini diwujudkan bagi menyukarkan proses melumpuhkan hirarki tentera Iran.

KESIMPULAN

Melalui penulisan ini dapatlah kita fahami bahawa strategi perang Iran melalui strategi asimetri dan doktrin *Mosaic* berjaya mengalahkan strategi peperangan simetri Amerika Syarikat dan Israel yang masih menggunakan pendekatan perang konvensional. Strategi Iran ini berjaya melumpuhkan pertahanan Amerika Syarikat dan Israel di mana sistem pertahanan mereka termasuk radar canggih berjaya dibutakan. Perang ini juga menyaksikan Amerika Syarikat dan Israel tidak lagi memonopoli lapangan udara dan angkasa. Perang ini berjaya membuktikan bahawa apabila Amerika Syarikat tidak lagi memonopoli imej-imej satelit, pergerakan ketenteraan mereka mudah dibaca dan dipatahkan. Kehadiran kuasa besar lain seperti China juga telah memberi kelebihan kepada Iran untuk mendapatkan perkhidmatan data satelit alternatif melalui sistem BeiDou-3 (BDS-3). Dengan wujudnya *space intelligence* alternatif ini, Iran dapat membedil markas-markas tentera Amerika Syarikat di negara-negara Arab/Teluk dengan tepat dan berkesan. Hasilnya, markas-markas Amerika Syarikat/Israel di negara-negara Arab/Teluk ini bukan lagi menjadi satu bentuk pertahanan, sebaliknya merupakan liabiliti bagi negara serantau. Dengan wujudnya penguasaan alternatif dalam sistem imej satelit, markas-markas ini dengan mudah dapat dimusnahkan. Kajian ini mendapati serangan peluru berpandu Iran ke atas negara-negara Arab/Teluk sememangnya berkesan, hal ini dapat dilihat dari imej-imej kemusnahan hasil data-data satelit yang telah dianalisis. Perang ini membuktikan bahawa strategi perang asimetri dapat mengalahkan kuasa besar yang melancarkan perang dengan cara konvensional. Iran juga membuktikan bahawa kuasa pertengahan serantau sebenarnya mampu menewaskan kuasa imperialis Amerika Syarikat/Israel apabila perancangan yang teliti dan berkesan dilaksanakan. Iran telah muncul sebagai kuasa besar baharu dan telah membuktikan keupayaan pertahanan mereka.

⁵² Hossein Salami syahid dalam serangan Israel pada 13 Jun 2025 di dalam Perang 12 Hari. Video syarahan Hossein Salami di IRGC University of Command and Staff pada zaman mudanya diterbitkan oleh Seyed Mohammad Marandi pada 03 Mei 2026. Pautan video:

https://x.com/s_m_marandi/status/2050704105442550223

⁵³ Andre Carvalho dan Joao Rego. 'Mosaic Defense and Dispersed Command: Iran Strikes Back'. *Small Wars Journal*, 21 Mei 2026.

BIBLIOGRAFI

- AFP News Agency. 2026. X. 16 Mac. <https://x.com/AFP/status/2033364942250725858>.
- Al Jazeera English. 2026. X. 10 Mac. <https://x.com/AJEnglish/status/2031385432718475508>.
- Al Jazeera. 2026. X. 16 Mac. <https://x.com/AJENews/status/2033392890194370723>.
- Al Mayadeen English. 2026. "Planet Labs expands restrictions on West Asia satellite imagery." 11 Mac.
- Aljazeera. 2026. X. 15 Mac. <https://x.com/AJENews/status/2032870695185563703>.
- Bailey, Joanna. 2026. "Five US Air Force KC-135 tankers hit and damaged in Iran strike on Saudi air base." *Aerospace Global News*, 14 Mac.
- Baroud, Ramzy, and Romana Rubeo. 2026. "Iran “gone wild” in Dimona: Is Tehran using Israel-US ‘Madman Doctrine’?" *Middle East Monitor*, 22 Mac.
- Blumenthal, Max. 2026. X. 10 Mac.
<https://x.com/MaxBlumenthal/status/2031363991423885712>.
- . 2026. X. 16 Mac. <https://x.com/MaxBlumenthal/status/2033216806823821653>.
- Britzky, Haley , and Oren Liebermann. 2026. "US F-35 damaged by suspected Iranian fire makes emergency landing, sources say." *CNN*, 20 Mac.
- Capaccio, Tony , and Gerry Dyle. 2026. "Iran Hits Key US Radar, Deepening Gulf Missile Defense Woes." *Bloomberg*, 7 Mac.
- Carvalho, Andre , and Joao Rego. 2026. "Mosaic Defense and Dispersed Command: Iran Strikes Back." *Small Wars Journal*, 21 Mei .
- Dropsite News. 2026. X. 29 Mac.
<https://x.com/DropSiteNews/status/2038083000395534658>.
- . 2026. X. 4 April. <https://x.com/DropSiteNews/status/2040160825890213943>.
- . 2026. X. 5 April. <https://x.com/DropSiteNews/status/2040757143985344568>.
- Fabian, Emanuel , Diana Bletter, and Sam Sokol. 2026. "Almost 200 injured, 11 seriously, in Iranian missile strikes on southern cities of Arad, Dimona." *The Times of Israel*, 23 Mac.
- Fabian, Emanuel. n.d. <https://x.com/manniefabian/status/2035408207082881243>.
- Fedasiuk, Ryan. 2026. X. 06 April.
<https://x.com/RyanFedasiuk/status/2041137824913670251>.
- Galloway, George. 2026. X. 15 Mac.
<https://x.com/georgegalloway/status/2033042172618969212>.
- Gao, Victor, interview by Sharmine Narwani. 2026. *The Cradle and Thinkers Forum: Victor Gao: "You DARE to invade Iran. Be prepared for the CONSEQUENCES"* (18 Mac).

- Ghalibaf, Mohammad Bagher. 2026. *X*. 10 Mac.
https://x.com/mb_ghalibaf/status/2031379855451869353.
- . 2026. *X*. 11 Mac. https://x.com/mb_ghalibaf/status/2031756618128396457.
- . 2026. *X*. 10 Mac. https://x.com/mb_ghalibaf/status/2031277205540544892.
- Helmy, Nadia. 2026. "How Iran Gained the Ability to Track Stealth Aircraft: China Deal and the YLC-8B system." *Modern Diplomacy*, 10 Februari.
- Iran International. 2026. "US hit desalination plant on Qeshm Island, Iran FM says." 7 Mac.
- Iranian Armed Forces Comm. 2026. *X*. 16 Mac.
<https://x.com/ArmedForcesIR09/status/2033341418501022187>.
- Magid, Jacob , and Lazar Berman. 2026. "Trump doubts Iran can reach buried uranium; Netanyahu: Nuke production abilities 'smashed'." *The Times of Israel*, 1 April.
- Magid, Jacob. 2026. "Rubio says Iran offensive 'has concluded,' insists US accomplished its operational aims." *Times of Israel*, 6 Mei.
- Malley, Robert. 2026. *X*. 14 Mac. https://x.com/Rob_Malley/status/2032749833531044022.
- Marins, Patricia. 2026. *X*. 2 Mac. https://x.com/pati_marins64/status/2028404540370764186.
- Mizrahi, Alon. 2026. *X*. 15 Mac. https://x.com/alon_mizrahi/status/2032881624774488240.
- Montagu-Smith, Nina. 2026. "Could Iran be using China's highly accurate BeiDou navigation system?" *Aljazeera*, 11 Mac.
- Moosavi, Seyed Majid. 2026. *X*. 22 Mac.
https://x.com/smajid_moosavi/status/2035412828631302326.
- Muhammad Muaz bin Malik. 2025. "Liberalisme Dan Campur Tangan Amerika Syarikat Antara Abad Ke-18 Hingga Abad Ke-20." In *Inspiring The Pursuit of Postgraduate Excellence Through Inclusive Research*, by Phayilah Yama, Sahlawati Abu Bakar and Noor Raudhiah Abu Bakar, 518-564. Universiti Islam Selangor: Penerbit PPS.
- Murphy, Chris. 2026. *X*. 14 Mac.
<https://x.com/ChrisMurphyCT/status/2032803960239595562>.
- Pape, Robert A. 2026. *X*. 21 Februari.
<https://x.com/ProfessorPape/status/2025214568050446627>.
- . 2026. *X*. 14 Mac. <https://x.com/ProfessorPape/status/2032803663136116900>.
- Press TV. 2026. "195 students, teachers killed in US-Israeli strikes, 68 schools seriously damaged." 7 Mac.
- . 2026. "Over a dozen US Reaper drones valued at \$330 million destroyed by Iran: Report." 18 Mac .
- Seyed Mohammad Marandi. 2026. *X*. 3 Mei.
https://x.com/s_m_marandi/status/2050704105442550223.

- Shahaf, Tal. 2026. "'Total loss': Drone factory in Petah Tikva hit by Iranian missile." *Ynet News*, 5 April.
- Sio, Mohammad. 2026. "Israel hits oil storage tanks in Tehran: Israeli media." *Anadolu Ajansi*, 7 Mac.
- Syed Ahmad Fathi. 2025. "Analisis Berakhirnya Perang 12 Hari Israel-Amerika Syarikat dan Iran." *Substack*. 26 Jun . <https://syedahmadfathi.substack.com/p/analisis-berakhirnya-perang-12-hari> .
- . 2024. *Resistance Sudah Berbunga*. Sungai Petani: Tochka Press.
- Tasnim News Agency. 2026. "Iranian Air Defenses Hit Intruding F-15 Fighter Jet." 22 Mac.
- Times of Israel. 2026. "Claiming 'great progress' in Iran talks, Trump says US pausing naval escorts in Hormuz." 6 Mei.
- Toossi, Sina. 2026. *X*. 14 Mac. <https://x.com/SinaToossi/status/2032813323301896268>.
- Turse, Nick. 2026. "'Casualty Cover-Up': The Pentagon Is Hiding U.S. Losses Under Trump in the Middle East." *The Intercept*, 01 April.
- U.S. Central Command. 2026. *Three U.S. F-15s Involved in Friendly Fire Incident in Kuwait; Pilots Safe*. 2 Mac. <https://www.centcom.mil/MEDIA/PRESS-RELEASES/Press-Release-View/Article/4418568/three-us-f-15s-involved-in-friendly-fire-incident-in-kuwait-pilots-safe/>.
- . 2026. *X*. 13 Mac. <https://x.com/CENTCOM/status/2032460946770202725>.
- White House. 2026. *X*. 14 Mac. <https://x.com/WhiteHouse/status/2032821840633077851> .
- Zwartz, Henry. 2026. "Chinese AI satellite intelligence helping Iran target US forces with 'incredible precision', analysts say." *ABC News*, 6 April.